

28 MAR 1997

Lereng Bukit (Analisis Berita)

APA NILAINYA PEMBANGUNAN DI LERENG BUKIT?

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Ada beberapa perkara yang berlaku di sekeliling kita yang tidak masuk akal.

Satu daripadanya sudah tentu penebangan pokok di lereng bukit, yang menurut pencinta alam sekitar sangat penting untuk mengekalkanimbangan alam semula jadi, semata-mata untuk memuaskan nafsu tamak pemaju bagi membangunkan lebih banyak lagi projek-projek seperti apartmen dan kondominium.

Tidak sampaipun tiga tahun selepas blok kondominium Highland Tower yang terletak di lereng bukit di Hulu Klang di pinggir Kuala Lumpur runtuh, satu lagi lereng bukit hutan hujan ditebang tidak jauh daripada tapak tragedi 11 Dis yang mengorbankan 38 nyawa itu.

Kenapa kerajaan negeri Selangor, terutama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), melihat wajar untuk membenarkan satu lagi pembersihan tanah secara besar-besaran ketika persoalan dibangkitkan mengenai keselamatan dan integriti pembangunan seumpama itu, memang sukar hendak dibayangkan.

Aduan daripada pencinta alam mengenai pembersihan tanah secara besar-besaran nampaknya tidak diendahkan langsung, sehingga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu lepas mengesan sendiri melalui udara mengenai "kemusnahan" yang sedang berlaku di kawasan itu.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib sekali lagi kelihatan terkejut dengan kejadian yang sedang berlaku di negerinya, yang bukan sahaja boleh mengaibkannya malahan mengakibatkan kemusnahan besar kepada alam sekitar.

Pada tahun lepas, laporan-laporan akhbar mengenai hakisan dan pengelodakan yang teruk disebabkan pembinaan sebuah padang golf di Mimaland di Selangor, juga mengejutkannya selepas pihak berkuasa Persekutuan mengarahkan pemberhentian aktiviti.

Berikutan pengesanan oleh Dr Mahathir itu, MPAJ -- yang kredibilitinya dikritik berikutan tragedi Highland Tower -- mengarahkan pemaju projek pembangunan campuran itu supaya menghentikan semua aktiviti pembersihan berkuatkuasa serta merta.

Ia menimbulkan beberapa persoalan yang menarik dan berkaitan.

Adakah ini bermakna MPAJ tidak sedar mengenai apa yang dilakukan oleh pemaju terhadap bukit di kawasan itu sehinggalah Perdana Menteri mendapat tahu mengenainya?

Tindakan MPAJ mengarahkan pemberhentian kerja jelas menunjukkan bahawa pemaju telah melanggar undang-undang mengenai penebangan pokok dan meratakan bukit.

Tragedi Highland Tower disusuli dengan bantahan orang ramai terhadap pemaju lereng bukit, dengan tokoh-tokoh terkemuka termasuk Penasihat Ekonomi kepada kerajaan Tun Daim Zainuddin melahirkan kebimbangan mengenai penebangan pokok di lereng bukit.

Cendekiawan Islam juga memberi amaran terhadap perbuatan itu, dengan berkata bukit diletakkan oleh Allah sebagai pasak bumi untuk menguatkan kawasan tanah.

Semalam, Muhammad dilaporkan sebagai berkata: "Kerajaan negeri sentiasa mengawasi pelaksanaan projek-projek pembanguunan menerusi agensi-agensinya seperti pejabat daerah dan tanah dan majlis-majlis daerah.

"Kita tidak meluluskan pemaju yang menebang pokok dan meratakan bukit sewenang-wenangnya dan akan mengambil tindakan termasuk menghentikan kerja di tapak-tapak projek."

Kenyataannya itu memang indah didengar tetapi tidak begitu mudah untuk diamalkan.

Jika apa yang beliau katakan itu benar, kenapa pembangunan di Hulu Klang yang meliputi kawasan seluas 138 hektar, yang secara kebetulan dikesan oleh Perdana Menteri, dibenarkan pelaksanaannya, dan begitu cepat selepas tragedi di Highland Tower?

Sekiranya benar bahawa pihak berkuasa tempatan melaksanakan tugas mereka dalam mengawasi pembangunan seperti yang didakwanya, MPAJ sudah tentu dapat mengesan perbuatan itu lebih awal lagi.

Mungkin sudah tiba masanya bagi Muhammad untuk membuat penilaian mengenai pembangunan tanah di Selangor, yang ada ketikanya kelihatan sudah di luar kawalannya.

Apa yang berlaku di Highland Tower masih berlegar di minda rakyat dan kerajaan negeri Selangor tidak mungkin dapat melupakannya dengan begitu cepat.

-- BERNAMA

AU AKD